

06/12/1998

PM lepas peserta laut dalam

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyempurnakan upacara pelepasan 50 bot yang membawa kira-kira 300 peserta kategori laut dalam bagi pusingan akhir Grand Prix (GP) Joran di jeti Hotel Awana Porto Malai, di sini semalam.

Perdana Menteri bersama Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid serta Exco Pelancongan, Rekreasi dan Sukan, Abdul Rahman Ariffin, membunyikan hon tepat jam 6 petang sebagai isyarat permulaan pertandingan yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM31,000 itu.

Kehadiran Dr Mahathir menyempurnakan upacara itu mencatatkan sejarah tersendiri buat peserta GP Joran Langkawi serta Unit Joran Berita Harian sepanjang penganjuran 12 siri pertandingan sejak tahun lalu.

Peserta memancing kira-kira 10 batu nautika dari jeti Hotel Awana Porto Malai membabitkan kawasan tukun di beberapa pulau kecil. Mereka pulang semula ke jeti itu sebelum jam 10 pagi ini.

Turut hadir ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib yang juga ahli Parlimen Langkawi dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Ahmad Rejal Arbee.

Terdahulu, ratusan pengunjung serta peserta GP Joran menyaksikan Perdana Menteri melakukan upacara merenjis air mawar kapal layar Jalur Gemilang di jeti itu, yang akan digunakan oleh seorang pelaut tempatan, Azhar Mansor, untuk mengelilingi dunia.

Dalam sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Berita Harian kerana menganjurkan kegiatan positif kepada rakyat dan sektor pelancongan.

"Saya ucap tahniah kepada Berita Harian kerana ia adalah kegiatan yang menarik dan begitu positif. Saya cari kegiatan yang positif, yang negatif saya tak berkenan," katanya.

Pada sebelah pagi, sejurus selepas tiba dengan sebuah bot di jeti Awana Porto Malai, Dr Mahathir singgah meninjau jualan barangan cenderamata GP Joran seperti kemeja-T, payung, pen, pemetik api, beg, topi dan replika ikan layar di Bazar Joran.

Beliau dihadiahkan sebuah topi GP sebagai tanda kenangan melawat bazar itu yang disampaikan Ketua Pengarang Berita, Berita Harian, Manja Ismail.

Selama kira-kira 10 minit di Bazar Joran, Dr Mahathir sempat bermesra dengan anggota Team Joran dan peserta yang mengesahkan pendaftaran di kaunter berhampiran.

"Saya baru dapat seekor baracuda (alu-alu) seberat kira-kira 20 kilogram," katanya menceritakan pengalaman memancing di perairan Tukun Perak, tidak jauh dari sini, kelmarin.

GP Joran di Pulau Langkawi juga menjadi acara Grand Slam Joran 1998 yang menawarkan pelbagai hadiah lumayan berasingan termasuk sebuah bot, motosikal dan piano.

Empat siri GP Joran tahun ini masing-masing berlangsung di Johor, Perak, Sarawak dan Kelantan. Setiap siri menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM31,000.

Pagi semalam, kira-kira 300 peserta mengambil bahagian dalam kategori pantai yang menawarkan RM5,000 kepada pemenang pertama. Pertandingan bermula jam 8 pagi hingga 2 petang manakala upacara penyampaian hadiah kira-kira jam 4.30 petang.

(END)